



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP



BERITA

24 JAM

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PPP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 30 DISEMBER 2025



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **AGENSI**

31 syarikat penjagaan kanak-kanak terbabit kartel penetapan harga

MyCC dapati perjanjian bertujuan halang, hadkan atau ganggu persaingan

Oleh Fahmy A Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) mengeluarkan Keputusan Cadangan terhadap 31 syarikat kerana didakwa terbabit dalam perjanjian penetapan harga secara horizontal berkaitan penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kelantan.

Pengerusinya, Tan Sri Idrus Harun, berkata ia selepas mendapati syarikat berkenaan secara sementara melanggar Seksyen 4(1), Seksyen 4(2)(a) dan Seksyen 4(3) Akta Persaingan 2010 (Akta 712).

Beliau berkata, hasil siasatan

MyCC mendapati syarikat berkenaan bukan sahaja membincangkan, malah bersetuju untuk menetapkan harga minimum bagi perkhidmatan penjagaan kanak-kanak ketika mesyuarat persatuan yang diadakan pada September 2023.

"Keputusan yang dicapai dalam mesyuarat terbabit kemudian disampaikan kepada semua peserta melalui memorandum.

"Selepas mesyuarat, pengumuman awam dibuat melalui akaun rasmi Facebook persatuan yang menyatakan bahawa kanak-kanak telah sebulat suara bersetuju untuk menetapkan harga minimum bagi perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berkuat kuasa mulai 2024.

"MyCC dapati bahawa perjanjian sedemikian bertujuan untuk secara signifikan menghalang, menghadkan atau mengganggu persaingan dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kelantan.

"Penting untuk diketengahkan bahawa pada peringkat ini,



Keputusan Cadangan adalah penemuan sementara dan tidak boleh dianggap bahawa syarikat tersebut telah muktamad melanggar Akta 712," katanya dalam kenyataan semalam.

Diberi peluang kemuka representasi bertulis

Mengulas lanjut, beliau berkata, syarikat yang dinamakan dalam Keputusan Cadangan sudah pun dimaklumkan mengenai hukuman dan arahan yang dicadangkan hari ini.

Untuk itu, katanya, mereka diberi peluang untuk mengemukakan representasi bertulis dalam tempoh 30 hari selepas menerima Keputusan Cadangan serta membentangkan representasi lisan di hadapan suruhanjaya pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian.

"MyCC hanya akan mengeluarkan Keputusan Akhir selepas mempertimbangkan representasi yang dibuat oleh syarikat tersebut serta bukti yang diperoleh sepanjang siasatan," katanya.

Hasil siasatan MyCC mendapati syarikat berkenaan bukan sahaja membincangkan, malah bersetuju untuk menetapkan harga minimum bagi perkhidmatan penjagaan kanak-kanak ketika mesyuarat persatuan yang diadakan pada September 2023.

Idrus Harun,
Pengerusi
MyCC



31 syarikat asuhan kanak-kanak didakwa tetapkan harga

PETALING JAYA: Sebanyak 31 syarikat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kelantan bakal berdepan tindakan penalti selepas didakwa terlibat dalam kartel penetapan harga.

Ia susulan keputusan cadangan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) selepas syarikat-syarikat terbabit didapati melanggar berkaitan perjanjian yang bertujuan menghalang, menyekat atau memesonkan persaingan pasaran.

Pengerusi MyCC, Tan Sri Idrus Harun berkata, syarikat-syarikat terbabit didapati telah melanggar Seksyen 4(1) dibaca bersama Seksyen 4(2)(a) dan 4(3) Akta Persaingan 2010 [Akta 712].

Menurutnya, hasil siasatan mendapati syarikat-syarikat berkenaan bukan sahaja berbincang, malah bersetuju untuk menetapkan harga rantai bagi perkhidmatan penjagaan kanak-kanak semasa satu mesyuarat persatuan yang diadakan pada September 2023.

“Keputusan mesyuarat itu kemudiannya disebarkan kepada semua pihak yang hadir melalui satu memorandum, selain diumumkan secara terbuka menerusi akaun Facebook rasmi persatuan terbabit.

“Pengumuman tersebut menyatakan bahawa kesemua pengusaha pusat penjagaan kanak-kanak telah mencapai persetujuan menetapkan harga rantai yang



IDRUS HARUN

berkuat kuasa mulai 2024,” katanya.

Tegas beliau, perjanjian tersebut mempunyai objektif jelas untuk menghapuskan persaingan harga secara ketara dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di Kelantan, sekali gus berpotensi menjejaskan kepentingan pengguna, khususnya ibu bapa dan penjaga.

Bagaimanapun, katanya, keputusan yang dikeluarkan ketika ini hanyalah keputusan cadangan, dan tidak boleh dianggap sebagai penentuan muk-tamad bahawa syarikat-syarikat terbabit telah melanggar Akta 712 secara konklusif.

“Setiap syarikat yang terlibat telah dimaklumkan mengenai penalti kewangan yang dicadangkan serta diberikan tempoh 30 hari untuk mengemukakan representasi bertulis kepada MyCC,” katanya.

MyCC: 31 childcare centres in Kelantan face potential penalties for price fixing

BY JAZLIN ZAKRI
theedgemalaysia.com

KUALA LUMPUR (Dec 29): The Malaysia Competition Commission (MyCC) has issued a proposed decision against 31 childcare service enterprises in Kelantan for their alleged involvement in a price-fixing arrangement.

In a statement released on Monday (Dec 29), MyCC said its investigation found the enterprises had infringed upon several sections of the Competition Act 2010. The breaches involved an agreement to establish “floor prices” or minimum rates for childcare services within the state.

MyCC Chairman Tan Sri Datuk Seri Idrus Harun said the commission’s findings indicate the agreement was designed to stifle market dynamics.

“MyCC finds that such agreement has the object of significantly prevent-

ing, restricting or distorting competition in the provision of childcare services within the state of Kelantan,” Idrus said.

The investigation uncovered that the agreement was initially reached during an association meeting in September 2023, where members discussed and settled on minimum pricing. Following the meeting, the decision was circulated to attendees via a memorandum.

A public announcement was also posted on the association’s official Facebook page, stating that childcare operators had unanimously agreed to implement the fixed prices starting from 2024.

The Competition Act 2010 was established to maintain a healthy, competitive environment that encourages productivity and innovation, said MyCC. The law applies to all commercial activities affecting competition in Malaysia, granting the commission jurisdiction to investigate when necessary.

MyCC said the proposed decision is a provisional finding and does not yet constitute a final determination of infringement.

The 31 enterprises were notified of the proposed penalties and directions on Monday. They now have 30 days to submit written representations to the commission. They will also be given an opportunity to present oral representations at a later date.

MyCC will issue its final decision only after reviewing all evidence and representations submitted.

MyCC調查 丹31托兒所涉操控市場

（吉隆坡29日讯）吉兰丹31家托儿所因涉嫌联手操控市场价格，被指涉入“卡特尔行为”，遭到大马竞争委员会（MyCC）出手调查，并或将面临重罚。

卡特尔行为意指多家企业之间私下串通合作，透过不正当协议来操控市场。

该会主席丹斯里依德鲁斯哈伦在文告中指出，初步调查显示，涉案的托儿所被指违反2010年竞争法令第4(1)条文，并将与第4(2)(a)及第4(3)条文一并审视。

协会会议曾设最低价

MyCC发现，这些托儿所不仅曾在2023年9月的协会会议中讨论定价，更同意设定儿童看护服务的最低价格，再以备忘录形式通知与会者。

文告披露，相关协会之后也透过官方脸书发布公告，声称业者“一致同意”从2024年起统一设定价格下限。

MyCC认为，此举目的在于“阻碍、限制或扭曲市场竞争”，对吉兰丹州的儿童看护服务市场造成重大影响。

不过，MyCC强调，该会现阶段对31家托儿所所发出的建议裁决仍属初步结果，并不代表这31家企业已被裁定违法。

涉案企业获准呈陈述

“所有涉案企业已接获建议罚款通知，并获准在30天内提呈书面陈述，也可在稍后日期向委员会进行口头陈述。”

依德鲁斯表示，MyCC将在考量这些企业的陈述及调查所得证据后，才做出最终决定。



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR

UMUM

Usaha tingkat kesedaran dalam kalangan pengguna perlu berterusan

PERGERAKAN pengguna di Malaysia bermula pada pertengahan 1960-an, didorong keperluan melindungi pembeli daripada amalan perdagangan tidak adil, iklan mengelirukan dan produk berisiko.

Pada masa itu, kesedaran awam tentang hak pengguna masih rendah dan tiada badan yang kuat mewakili mereka. Sekumpulan individu mula membincangkan keperluan untuk tindakan terancang bagi memastikan kepentingan pengguna dilindungi.

Pencapaian penting muncul dengan penubuhan Persekutuan Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), yang secara rasmi didaftarkan pada 1973. Namun, aktiviti pengguna bermula sejak 1969, menjadikan pertubuhan ini sebagai badan payung yang menyelaras kumpulan pengguna di seluruh negara.

Pada 1970-an hingga 1980-an, pelbagai persatuan pengguna peringkat negeri muncul, termasuk Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) yang ditubuhkan pada 1969, Persatuan Negeri Sembilan (1973), Pergerakan Pengguna Johor serta Majlis Pengguna Selangor dan Kuala Lumpur.

Saya sendiri dilantik sebagai Setiausaha Persatuan Negeri Sembilan dan kemudiannya Presiden pada 1984. Kumpulan-kumpulan ini menumpukan usaha pada pendidikan pengguna, pemantauan harga, pendedahan produk berbahaya dan sokongan terhadap undang-undang perdagangan adil.

Sokongan kerajaan mula meningkat pada 1980-an, dengan pergerakan pengguna membantu memperkenalkan undang-undang utama seperti Akta Perlindungan Pengguna 1999, Akta Kawalan Harga, Akta Jualan Barangan, Akta Makanan serta peraturan keselamatan elektrik dan produk. Agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDN) mula bekerjasama rapat dengan persatuan pengguna untuk memperkukuh perlindungan hak pengguna.

Dalam era moden sejak 2000-an, perhatian persatuan pengguna meliputi isu pasaran digital, penipuan, literasi kewangan, pertikaian perumahan, perkhidmatan utiliti, serta keselamatan alam sekitar dan kesihatan.

Fomca terus menjadi suara kebangsaan melalui kempen seperti Hari Pengguna Kebangsaan, program literasi kewangan dan kempen keselamatan produk.

Sejak 1960-an, pergerakan pengguna Malaysia berkembang daripada kumpulan kesedaran kecil kepada rangkaian persatuan di seluruh negara.

Dengan CAP dan Fomca memainkan peranan utama, organisasi ini telah membantu membentuk undang-undang perlindungan pengguna dan terus menyokong hak pengguna dalam ekonomi moden.

BULBIR SINGH

Bekas Presiden Persatuan Pengguna Negeri Sembilan





KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE

KPDN & AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 30 DISEMBER 2025

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
30-Dec	KPDN Pahang serbu kedai jual durian didakwa tak pamer harga	https://malaysiagazette.com/2025/12/29/kpdn-pahang-serbu-kedai-jual-durian-didakwa-tak-pamer-harga/	MALAYSIA GAZETTE
30-Dec	MyCC kesan 31 syarikat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, berpotensi terbabit kartel penetapan harga	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/12/1490657/mycc-kesan-31-syarikat-perkhidmatan-penjagaan-kanak-kanak-berpotensi	BERITA HARIAN
30-Dec	MyCC: 31 Kelantan childcare firms accused of price fixing	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/12/29/mycc-31-kelantan-childcare-firms-accused-of-price-fixing/203664	MALAY MAIL
30-Dec	MyCC kesan 31 syarikat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak, berpotensi terbabit kartel penetapan harga	https://www.buletintv3.my/nasional/mycc-kesan-31-syarikat-perkhidmatan-penjagaan-kanak-kanak-berpotensi-terbabit-kartel-penetapan-harga/	BULETIN TV3
30-Dec	MyCC issues proposed decision against 31 childcare operators over alleged price fixing	https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/12/29/mycc-issues-proposed-decision-against-31-childcare-operators-over-alleged-price-fixing	THE STAR
30-Dec	31 syarikat perkhidmatan penjagaan kanak-kanak disyaki terbabit kartel penetapan harga	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/12/1305137/31-syarikat-perkhidmatan-penjagaan-kanak-kanak-disyaki-terbabit-kartel	HARIAN METRO
30-Dec	Kartel tetap harga: 31 perusahaan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak berdepan penalti	https://www.sinarharian.com.my/article/762129/berita/semasa/kartel-tetap-harga-31-perusahaan-di-kelantan-berdepan-penalti	SINAR HARIAN

30-Dec	31 syarikat asuhan kanak-kanak bakal didakwa terlibat kartel penetapan harga	https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/12/31- syarikat-asuhan-kanak- kanak-bakal-didakwa- terlibat-kartel-penetapan-	UTUSAN MALAYSIA
30-Dec	31 Perusahaan Penjagaan Kanak-kanak Didakwa Terlibat Kartel Penetapan Harga - MyCC	https://bernama.com/bm/am/ news.php?id=2507064	BERNAMA
30-Dec	MyCC targets 31 Kelantan childcare operators over alleged price fixing	https://www.nst.com.my/news/ regional/2025/12/1346531/mycc -targets-31-kelantan-childcare- operators-over-alleged-price	NEW STRAITS TIMES
30-Dec	MyCC issues a proposed decision against 31 Kelantan childcare operators for alleged price fixing, with parties given 30 days to submit representations.	https://thesun.my/news/ malaysia-news/people- issues/mycc-issues- proposed-decision-against- 31-childcare-operators-for- alleged-price-fixing/	THE SUN
30-Dec	Kartel penetapan harga: 31 perusahaan penjagaan kanak-kanak di Kelantan berdepan penalti - MyCC	https:// www.astroawani.com/berita -malaysia/kartel-penetapan- harga-31-perusahaan- penjagaan-kanakkanak-di- kelantan-berdepan-penalti- mycc-553447	ASTRO AWANI
30-Dec	MyCC: 31 perusahaan penjagaan kanak-kanak didakwa terlibat kartel harga	https:// www.malaysiakini.com/ news/764527	MALAYSIA KINI